

Jakim perkenal standard sijil halal kosmetik 2008

u.m 19/10/07 M/S 5

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 18 Okt. – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan memperkenalkan standard persijilan halal bagi produk kosmetik mulai awal tahun depan bagi memastikan barangan yang dihasilkan selamat serta suci digunakan.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz berkata, draf standard persijilan itu sudah siap tetapi perlu dirujuk kepada Lembaga Halal sebelum ia dapat dilaksanakan.

“Kalau sebelum ini, kita hanya menumpukan kepada persijilan halal bagi produk makanan dan barangan harian, sekarang kita kembangkan kepada barangan kosmetik.

“Kita rangka standard tersebut dengan kerjasama SIRIM selain kita mempunyai panel penasihat halal yang dianggotai oleh wakil-wakil pelbagai agensi seperti Jabatan Kimia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan para pensyarah universiti,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Menurut Wan Mohamad, para pengusaha

kosmetik di negara ini boleh memohon standard persijilan halal itu setelah ia dilancarkan nanti oleh Jakim.

Kata beliau, persijilan halal tersebut akan memberikan manfaat kepada industri kosmetik yang semakin berkembang pesat selain meningkatkan lagi minat untuk menghasilkan produk kosmetik tempatan.

“Kita akan kumpulkan pihak industri kosmetik untuk diberikan penjelasan dan mendapat maklum balas dalam usaha kita membentuk standard halal yang boleh dijadikan rujukan. “Standard persijilan halal bagi produk kosmetik itu dirangka bagi kegunaan orang Islam dan bukan Islam kerana antara kriteria yang ditetapkan ia mesti selamat digunakan,” katanya.

Kata beliau, para pengguna bukan Islam yang memahami konsep standard halal akan memberikan pengiktirafan yang tinggi.

“Ini dapat dilihat bagaimana sijil halal produk daging di Australia dan New Zealand mendapat reputasi yang tinggi kerana produk berkenaan bukan sahaja halal tetapi mempunyai ciri-ciri makanan yang selamat,” katanya.

Beliau menjelaskan, permohonan bagi mendapatkan sijil halal dibuat secara sukarela dan

Jakim tidak akan memaksa mana-mana pengusaha barangan kosmetik untuk berbuat demikian.

“Sebenarnya tidak rumit untuk mendapatkan sijil halal tetapi kita tetap memberikan kebebasan untuk mereka membuat pilihan untuk memohonnya atau tidak,” katanya.

Dalam pada itu, jelas Wan Mohamad, para pengguna menghadapi kesukaran untuk memastikan status halal bagi barangan kosmetik yang diimport kerana ia tidak mempunyai persijilan halal.

“Oleh itu, jalan terbaik bagi para pengguna, mereka disarankan agar menggunakan produk tempatan yang mempunyai tanda halal.

“Namun, demi kebaikan para pengguna, wakil pengimport barangan kosmetik dari luar negara boleh memohon untuk mendapat sijil halal bagi produk mereka,” katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan, Jakim juga dalam proses merangka standard persijilan halal bagi produk-produk kulit, bulu dan kuku.

“Standard tersebut dibuat secara berasingan dengan standard bagi barangan kosmetik dan ia akan diperkenalkan selepas draf standardnya siap kelak,” katanya.



WAN MOHAMAD SHEIKH ABDUL AZIZ